



LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA
(KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN)



JAWATAN KOSONG

Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) adalah sebuah Badan Berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan mempelawa warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang berkelayakan untuk mengisi jawatan berikut :-

BIL.	JAWATAN	GRED	KEKOSONGAN JAWATAN	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	PENEMPATAN	TARAF JAWATAN	TANGGA GAJI	
							Gaji Minimum	Gaji Maksimum
1.	PENOLONG JURUAUDIT	W29	1	KEWANGAN	IBU PEJABAT, LPNM	TETAP	RM 1,498.00	RM 5,678.00
2.	PEMBANTU EHWAL EKONOMI	E19	2	EKONOMI	SELURUH MALAYSIA	TETAP	RM 1,353.00	RM 4,005.00

CARA PERMOHONAN

1. Bagi pemohon yang berkelayakan, komited dan berdedikasi dipelawa untuk berkhidmat di LPNM bagi mengisi jawatan kosong tersebut. Borang permohonan dan syarat-syarat lantikan hendaklah dimuat turun melalui laman web LPNM <http://www.mpib.gov.my>
2. Sila tulis nama jawatan yang dipohon pada **bahagian atas di sebelah kiri** sampul surat.
3. 1 borang hanya untuk 1 jawatan sahaja. Sila gunakan borang berasingan sekiranya memohon lebih dari 1 jawatan.
4. Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing beserta salinan Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini, Laporan Penilaian Prestasi terkini tiga tahun berturut-turut, slip gaji terkini serta surat kebenaran dan sokongan.
5. Hanya calon-calon yang **layak selepas tapisan** sahaja akan dipanggil untuk temuduga dan segala perbelanjaan untuk menghadiri temuduga adalah tanggungjawab pemohon sendiri.
6. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **6 bulan** dari tarikh tutup iklan dianggap **TIDAK BERJAYA**. Tiada makluman bersurat akan dikeluarkan oleh LPNM berkaitan perkara ini.
7. Borang permohonan yang lengkap berserta salinan sijil yang telah **disahkan** hendaklah **dikepilkkan dan disusun mengikut turutan** seperti berikut:
 - i) Salinan Sijil Kelahiran
 - ii) Salinan Kad Pengenalan
 - iii) Salinan Lesen Memandu
 - iv) Salinan Sijil Berhenti Sekolah

- v) Salinan Kelayakan Akademik berserta transkrip lengkap – Ijazah/Diploma/STPM/SPM/PMR
- vi) Surat sokongan/kebenaran daripada majikan.
- vii) Sijil-sijil penghargaan/penyertaan (terhad 3 tahun terkini)

***** Salinan sijil yang tidak disahkan adalah dianggap tidak lengkap dan tidak akan diproses.**

8. Semua permohonan hendaklah sampai ke alamat di bawah sebelum atau pada **16hb Jun 2021 (Rabu)**;

Ketua Pengarah,
Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia,
Wisma Nanas,
No. 5, Jalan Padi Mahsuri,
Bandar Baru UDA,
81200 Johor Bahru,
JOHOR DARUL TAKZIM.

(u.p : Bahagian Khidmat Pengurusan – Seksyen Pengurusan Sumber Manusia)